

SOALAN NO : 388

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN NO. 386

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pencapaian dan perancangan jangka masa panjang Taman Laut Kepulauan Kuraman Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia memberikan perhatian serius dalam pemuliharaan ekosistem marin yang kaya dengan sumber biodiversiti seperti terumbu karang. Taman Laut Kepulauan Kuraman Labuan yang merangkumi Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil telah mula diuruskan secara efektif pada tahun 2009 oleh Jabatan Taman Laut Malaysia yang kini ditempatkan di bawah pentadbiran Jabatan Perikanan Malaysia.

Sejak tahun 2009 sehingga kini, tahap pencapaian aktiviti pemuliharaan (*conservation*) di Taman Laut Kepulauan Kuraman Labuan adalah seperti berikut:

1. Tahap Pengurusan Taman Laut Kepulauan Kuraman Labuan diklasifikasikan tahap 3 iaitu *Effectively Sustained*;
2. Hatcheri penetasan penyu yang ditubuhkan pada tahun 2010 mencatatkan rekod sebanyak 15,025 biji telur penyu telah dikumpul dan 13,543 ekor anak penyu telah dilepaskan ke laut sehingga kini. Terdapat juga 2 spesies penyu yang dikategorikan sebagai *Critically Endangered* oleh *International Union for Conservation of Nature (IUCN)* iaitu Penyu Karah dan Penyu Agar didapati mendarat dan bertelur di pantai pulau;

3. Tahap kesihatan terumbu karang berada pada tahap *Fair* iaitu liputan karang hidup berada dalam lingkungan 26% - 50% dengan kepelbagaian spesies karang sebanyak 161 spesies; dan

4. Perkhidmatan ekosistem (*ecosystem services*) dianggarkan bernilai RM 39 juta setahun.

Jabatan Perikanan Malaysia akan meneruskan usaha baik yang telah dilaksanakan dan meningkatkan lagi inisiatif-inisiatif pemuliharaan biodiversiti marin di Taman Laut Kepulauan Kuraman Labuan. Perancangan jangka panjang untuk taman laut ini termasuk:

- a) Membangunkan dan melaksanakan Pelan Pengurusan Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan untuk mencapai tahap 4 dalam pengurusan efektif taman laut;
- b) Mengenal pasti kawasan-kawasan selaman baharu yang berpotensi untuk digunakan oleh *operator* selam serta menyediakan kemudahan asas di kawasan-kawasan tersebut;
- c) Meningkatkan tahap ekonomi penduduk tempatan dengan menggalakkan mereka menceburi industri eko-pelancongan melalui penganjuran 2 program pembangunan kapasiti setahun termasuk kursus kemahiran *snorkeling guide* dan kursus restorasi karang;
- d) Membangunkan Pusat Taman Laut di Pulau Rusukan Besar (dalam proses perolehan tanah) dan menempatkan kakitangan di pulau tersebut sepanjang masa untuk memendekkan masa tindak balas operasi pengawalseliaan;
- e) Meneruskan pemantauan tahap kesihatan terumbu karang serta usaha-usaha pemuliharaan spesies marin terancam; dan
- f) Mengawal ancaman aktiviti manusia melalui peningkatan kerjasama dan penglibatan pihak berkepentingan, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, badan korporat serta penduduk tempatan dalam pemuliharaan biodiversiti marin di perairan ini.